

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 08 / 08 / 2007

Hak Intelekt: Negara miskin perlu bersatu

UM - 8/8/2007

LANGKAWI 7 Ogos - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, negara-negara miskin perlu bersatu dalam usaha mengenakan bayaran hak intelek ke atas negara-negara kaya yang 'mencuri' bakat terbaik mereka.

Beliau berkata, sekiranya negara-negara kaya berhak mengenakan caj ke atas penggunaan barangan hak intelek mereka, maka negara-negara miskin juga berhak berbuat demikian untuk hak intelek berupa kepakaran manusia mereka.

Ini, katanya, kerana negara-negara miskin telah membelanjakan wang yang banyak untuk mendidik beribu-ribu rakyat mereka bagi menghasilkan hanya beberapa individu yang cemerlang yang seterusnya diambil bekerja di negara-negara kaya tanpa sebarang kos tambahan.

"Saya mencadangkan agar semua negara miskin bersama-sama mengutarakan isu hak intelek kerana bakat kita adalah hak intelek kita dan mereka (negara kaya) datang dan mengambil bakat ini tanpa membayar satu sen pun walhal hak intelek mereka kita perlu bayar walaupun kita miskin dan tidak mampu.

"Kita perlu bekerja bersama dan menegakan tekanan kerana jika mereka diberi pampasan, bagaimana dengan kita?"

"Kita patut mendapat wang bagi hak intelek yang mereka curi daripada kita," katanya pada sesi dialog kedua Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2007 berta-



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak bertanyakan sesuatu kepada bekas Wanita Pertama, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali sebelum majlis makan tengah hari semperna LID 2007 di Langkawi, semalam. Turut memerhati Tun Dr. Mahathir Mohamad.

- Bernama

juk 'Pembasmian Kemiskinan melalui Pembinaan Keupayaan' di Berjaya Langkawi Beach and Spa Resort di sini, hari ini.

Dr. Mahathir yang merupakan Felo Emeritus bagi dialog itu merupakan pe-

ngasas LID yang dimulakan pada tahun 1995 bagi memupuk prinsip perkongsian pintar antara negara dalam sektor kerajaan, ekonomi dan sosiopolitik.

Diadakan buat kali kelapan, LID 2007

menghimpunkan 500 peserta dari 40 negara untuk membincangkan tajuk 'Pembasmian Kemiskinan melalui Pembangunan Modal Insan dan Pembinaan Keupayaan'.

Dr. Mahathir telah melontarkan idea tersebut sebagai salah satu cara menangani masalah 'brain drain' yang kerap melanda negara-negara miskin.

Dalam mendalami isu berkenaan, bekas Perdana Menteri itu menyamakan usaha mengenakan bayaran bagi hak intelek negara miskin yang 'dicuri' negara kaya dengan justifikasi syarikat-syarikat pembuatan ubat HIV/AIDS mengenakan caj yang tinggi bagi produk mereka.

Katanya, dalam usaha menghasilkan ubat tersebut, banyak penyelidikan, masa dan tenaga perlu dilaburkan terlebih dahulu.

Jika ia dijual pada kos pembuatan, syarikat pengeluar tidak akan mampu memperoleh semula pelaburan tersebut, apatah lagi dalam mempertimbangkan pelaburan masa depan dan keuntungan, ujar beliau.

Kerana ini, katanya, kos perubatan HIV/AIDS berada di luar kemampuan pihak yang memerlukan, khususnya golongan miskin.

"Ia tidak menelan kos yang banyak untuk menghasilkan ubat itu tetapi untuk menyelidik mengenainya. Jadi, mereka merasakan adalah wajar untuk mengenakan harga yang tinggi bagi ubat itu," kata beliau.